



## BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62604 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002  
Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790  
Laman Web : [www.moe.gov.my](http://www.moe.gov.my)

Ruj. Tuan: PTSB/PENT/PA 110 Jld. 18(20)

Ruj. Kami: KPM.600-12/1/1 Jld.34 (70)

Tarikh : 16 April 2024

Tuan Haji Mohd Ruzi bin Hamzah  
Pengarah  
Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah  
Kementerian Pendidikan Tinggi  
Kulim Hi-Tech Park  
Kulim  
**09090 Kedah**

Tuan,

### **MAKLUM BALAS PERMOHONAN PENGANJURAN PROGRAM DAN PELIBATAN MURID BAGI PROGRAM INVENTION AND INNOVATION COMPETITION, EXHIBITION AND ROBOT-SUMO 2024 ANJURAN POLITEKNIK TUANKU SULTANAH BAHIYAH**

Dengan segala hormatnya saya ingin merujuk kepada perkara di atas dan surat daripada pihak tuan bertarikh 21 Mac 2024 adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima dan meneliti permohonan penganjuran program di atas daripada pihak tuan. Pihak KPM mengalu-alukan inisiatif agensi kerajaan dan bukan kerajaan dalam membantu membangunkan aktiviti kokurikulum di negara ini.

3. Sehubungan dengan itu, pihak KPM mengambil maklum akan permohonan pihak tuan serta **tiada halangan** bagi penganjuran program **Invention and Innovation Competition, Exhibition and Robot-Sumo 2024** pada 20 hingga 22 Ogos 2024. Walau bagaimanapun, pihak KPM ingin menarik perhatian tuan bahawa pelaksanaan aktiviti berkenaan hendaklah memenuhi syarat serta mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) **SPI. Bil.8/2009: Langkah-Langkah Keselamatan Semasa Mengikuti Aktiviti/Program Lawatan Di Luar Waktu Persekolahan, Bil.5/2018: Garis Panduan Perwakilan Kuasa Daripada Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru Kepada Pendaftar Bagi Kelulusan Permohonan Oleh Pihak Luar Menjalankan Aktiviti Melibatkan Murid, Guru dan Institusi Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia, SPI Bil.9/2023: Garis Panduan Lawatan Murid Sekolah Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia Mulai Tahun 2023 dan Surat Siaran Pengurusan Kokurikulum Bil.2/2010: Garis Panduan Pelaksanaan Program Pendidikan (Kokurikulum) Tajaan Agensi Luar**. Perkara yang perlu dipatuhi dalam melaksanakan aktiviti adalah seperti berikut:

- 3.1 Pihak penganjur hendaklah mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pendidikan Negeri setelah mendapat maklum balas dari KPM dalam tempoh 30 hari sebelum tarikh pelaksanaan program.
- 3.2 semua murid terlibat hendaklah mendapat kebenaran dan persetujuan daripada pengetua/guru besar sekolah yang terlibat bagi menyertai program ini;
- 3.3 penyertaan murid hendaklah secara sukarela dan mendapat kebenaran daripada ibu bapa/penjaga;
- 3.4 surat ini **tidak boleh** diguna pakai bagi maksud untuk mendapatkan sumbangan serta tajaan daripada mana-mana pihak berkenaan;
- 3.5 penyertaan murid **tidak mengganggu atau menjejaskan** waktu pengajaran dan pembelajaran (PdP)/program/aktiviti sekolah;
- 3.6 pihak penganjur hendaklah memberikan maklumat program kepada pihak sekolah supaya boleh dimaklumkan kepada murid yang terlibat;
- 3.7 pihak penganjur bertanggungjawab menguruskan insuran kemalangan yang bersesuaian dengan aktiviti yang dijalankan, menjaga kesihatan, keselamatan dan kebajikan semua murid yang terlibat dengan program ini;
- 3.8 tiada implikasi kewangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), sekolah dan murid yang terlibat (merujuk SPI Bil.5/2018);
- 3.9 pihak penganjur hendaklah bertanggungjawab menanggung semua kos penganjuran program atau aktiviti yang dianjurkan termasuk pengangkutan, makan dan minum; **melainkan mendapat pertimbangan khas daripada Pendaftar**;
- 3.10 pihak penganjur perlu mengemukakan **draf poster/ gegantung/ hebahan digital /sijil** untuk semakan BSKK sebelum diedarkan;
- 3.11 penggunaan logo KPM tanpa kelulusan adalah tidak dibenarkan. Pihak penganjur perlu mengemukakan permohonan penggunaan logo KPM berserta dokumen lengkap kepada **Unit Komunikasi Korporat selepas mendapat maklum balas/surat sokongan permohonan penganjuran program ini**. Syarat permohonan adalah seperti dalam **Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi Kementerian Pendidikan Malaysia (<https://www.moe.gov.my/muat-turun/multimedia/logo>)**;

- 3.12 pihak pengajur dimohon memastikan agar penerapan amalan nilai murni, pembinaan karakter murid dan perpaduan diterapkan dalam pelaksanaan program;
  - 3.13 bagi **tujuan pengiktirafan** program, pihak pengajur perlu mengemukakan permohonan rasmi berserta satu salinan laporan program yang dijalankan (format seperti di **Lampiran A**) kepada Pengarah BSKK, KPM tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program;
  - 3.14 pihak pengajur adalah dimohon untuk mengemukakan **Surat Setuju Terima** (seperti di **Lampiran B**) kepada pihak BSKK dalam tempoh **14 hari** selepas menerima surat maklum balas permohonan bagi mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan program; dan
  - 3.15 KPM berhak menarik balik surat pengajuran program ini sekiranya pihak pengajur gagal mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan atau bercanggah dengan dasar sedia ada yang sedang berkuat kuasa. Sebarang ketidakakuratan akan memberikan kesan kepada permohonan agensi pada masa akan datang.
4. Maklum balas pengajuran program ini hanya untuk **Politeknik Tuanku Sultanah Bahiyah, Kedah** yang akan menganjurkan program **Invention and Innovation Competition, Exhibition and Robot-Sumo 2024** pada **20 hingga 22 Ogos 2024** sahaja. Sebarang kebenaran program baharu hendaklah dikemukakan kepada Pengarah BSKK, KPM.
5. Untuk sebarang pertanyaan berkaitan perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi **Puan Rizawani binti Mustafa** di talian **03-88841174** atau e-mel [rizawani@moe.gov.my](mailto:rizawani@moe.gov.my).

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(ZAINUREN BIN HJ. MOHD NOR)**

Pengarah  
Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia

s.k.: Pengarah, Jabatan Pendidikan Negeri

RBM/SuratPenganjuranProgramAgensi2024/MyDoc

**LAMPIRAN A****LAPORAN  
(NAMA AKTIVITI / PROGRAM)**

- 1.0 Nama Program/Aktiviti:  
2.0 Tarikh Pelaksanaan:  
3.0 Mod Pelaksanaan:  
4.0 Penyertaan (jantina/bangsa):

BIL	KOD SEKOLAH	SEKOLAH	DAERAH / NEGERI / NEGARA	JANTINA		BANGSA				JUMLAH	
				L	P	MELAYU	CINA	INDIA	LAIN-LAIN	MURID	GURU
1											
2											
3											
4											
5											
6											
7											
<b>JUMLAH</b>											

- 5.0 Jadual Pengisian / Pelaksanaan Aktiviti:  
6.0 Peruntukan / Perbelanjaan yang Diturunkan: (\*\*\*(Jika berkaitan)  
7.0 Tetamu Kehormat (VIP): (\*\*\*(Jika berkaitan)  
8.0 Pemenang: (\*\*\*(Jika berkaitan)

	KATEGORI PERTANDINGAN				
Kedudukan	Nama murid	Id murid	Sekolah	Kod Sekolah	JPN
Pertama					
Kedua					
Ketiga					
Keempat					
Kelima					

- 9.0 Isu dan cabaran:  
10.0 Cadangan penambahbaikan:  
11.0 Gambar:

Disediakan oleh:

Tarikh

Rujukan Tuan:  
Rujukan Kami:  
Tarikh:

**Pengarah**

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Aras 1, 2 & 7, Blok 13  
Kompleks Kerajaan Parcel E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
**62604 PUTRAJAYA**  
(u.p.: Rizawani binti Mustafa)

Tuan,

**SURAT SETUJU TERIMA KEBENARAN PENGANJURAN PROGRAM ANJURAN**

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan surat Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) bernombor rujukan: \_\_\_\_\_ bertarikh \_\_\_\_\_ adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa pihak \_\_\_\_\_ mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan/menaja program yang dimohon berdasarkan terma dan syarat pelaksanaan/tajaan program/aktiviti kokurikulum seperti yang dinyatakan pada para 3.1 hingga 3.15 dalam surat Maklum Balas Penganjuran Program dan Penglibatan Murid dalam \_\_\_\_\_ pada \_\_\_\_\_.

3. Pihak \_\_\_\_\_ akan mengemukakan satu salinan laporan program yang dijalankan kepada BSKK tidak lebih dari 30 hari selepas tamat program bagi tujuan pengiktirafan program.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak tuan boleh menghubungi \_\_\_\_\_ di talian \_\_\_\_\_ atau emel \_\_\_\_\_.

Perhatian dan kerjasama tuan dalam perkara ini adalah amat dihargai

Sekian, terima kasih.

Saya yang benar,

.....  
**(Nama)**  
Jawatan